

21/07/2000

Sikap militan hancurkan negara

ALOR STAR, Khamis - Rakyat dinasihatkan supaya tidak terbabit dalam kegiatan yang boleh menimbulkan huru-hara seperti dilakukan anggota Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al Ma'unah (Al Ma'unah).

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, rakyat, terutama masyarakat Islam tidak harus terpengaruh dengan tafsiran Al Ma'unah kononnya darah pemimpin Umno halal.

Beliau berkata, Umno yakin majoriti rakyat tidak akan terpengaruh dengan gerakan militan yang cuba digunakan anggota Al Ma'unah untuk menggulingkan kerajaan kerana rakyat mencintai kedamaian dan perpaduan.

"Tindakan seperti itu amat berbahaya. Apabila wujud sikap militan yang ingin mengambil alih kuasa secara kekerasan, saya fikir rakyat tidak akan menyokong kerana ia akan menghancurkan negara," katanya selepas perasmian Konvensyen Umno Kedah oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri mengenai sekumpulan tiga hingga lima anggota Al Ma'unah cuba menyerang sebuah kuil dan kilang arak bagi mencetuskan huru-hara.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, setiap anggota harus mengutuk tindakan Al Ma'unah yang bertujuan memusnahkan keharmonian masyarakat dengan menjadikan kuil dan kilang arak sebagai sasaran keganasan.

"Mereka menyalahgunakan agama untuk kepentingan pergerakan mereka. Mereka menggunakan tafsiran yang salah. Kita tidak harus menyokong tindakan seumpama itu.

"Tidak adil mereka menggunakan nama Islam untuk melakukan keganasan," katanya.

Selain itu, rakyat diminta tidak bimbang kerana anggota pasukan keselamatan sentiasa memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman pula berkata, tindakan anggota Al Ma'unah itu seolah-olah bertujuan mempamerkan mereka adalah `hero' masyarakat kampung.

Menurutnya, anggota kumpulan itu sengaja memilih kilang arak dan kuil sebagai sasaran untuk menimbulkan huru-hara.

"Rakyat tidak boleh menyokong tindakan ganas seperti itu. Islam tidak mengajar umatnya bertindak memusnahkan tempat beribadat agama lain kerana Islam menghormati agama lain.

"Dengan bertindak seperti itu, mereka ingin menunjukkan mereka adalah hero, khususnya kepada orang kampung," katanya.

(END)